







Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.  
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1962](#) > [May](#) > [2](#) > [Page 7](#) > Anggota2 tidak mahu rujo'



## Anggota2 tidak mahu rujo'

Berita Harian, 2 May 1962, Page 7

Share    



Save Citation

[<<](#) [Previous Article](#) [Next Article](#) [>>](#)



**KAJANG, Thalatha.—**  
Sa-ramai 60 orang ahli UMNO Kampong Sebelas Sungai Merab Kajang telah menolak sama sa-kali rayuan yang di-buat oleh Setiausaha UMNO Bahagian Sepang supaya ahli2 UMNO di-kampong itu bergabung samula dengan Chawangan UMNO Kampong Sekolah Sungai Merab.

Ahli jawatankuasa UMNO Kampong Sebelas, Inche Razak bin Amir menyatakan kepada Berita Harian bahawa ahli2 UMNO di-kampong itu telah mengambil keputusan dengan sabulat suara tidak akan bergabung dengan UMNO Kampong Sekolah. sa-kiranya Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Sepang



tidak membenarkan ahli2 UMNO di-kampung itu mendirikan chawangan-nya. Inche' Razak juga menerangkan bahawa ahli2 UMNO Kampong Sebelas telah berkali2 menyeru kepada UMNO Bahagian Sepang supaya UMNO di-kampung itu tidak digabungkan dengan Chawangan UMNO Kampong Sekolah.

**Tidak sesuai**



Penduduk2 dalam dua buah kampung ini tidak bersesuaian faham dan berlainan kampung, kata-nya. Tetapi rayuan itu "kata Inche' Razak, telah ditolak oleh Jawatankuasa UMNO Bahagian Sepang dengan alasan menurut surat keliling undang2 tuboh UMNO Malaya dalam fasal 18 (10) dan fasal 20 (1) tiap2 sa-buah chawangan yang ditubuhkan di-luar bahagian chawangan yang ditubuhkan itu ada-lah tidak sah.



Inche' Razak juga menerangkan bahawa kalau UMNO Bahagian Sepang tidak membenarkan satu chawangan berasingan dari Chawangan UMNO Kampong Sekolah maka ahli2 UMNO di-sini telah mengambil keputusan hendak merayu sendiri kepada Setiausaha Perhubungan UMNO Negeri Selangor Inche' Hamzah Alang untok di-bawa perkara ini kepada Setiausaha Agong UMNO Malaya, Inche' Husain Nordin.



"Kalau tidak dapat pertimbangan dan jasa baik dari Inche' Husain Nordin sendiri ahli2 UMNO di-sini mengambil keputusan keluar beramal2 dari UMNO dan memasoki parti lain." kata-nya.

NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore  
Last Updated 2023-01-31